

PM akan diberitahu bekas menteri bantu gerakan radikal di AS

BH 18 FEB 2009

Oleh Misiah Talb dan Noorwati Salleh

GENTING HIGHLANDS, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memaklumkan kepada Perdana Menteri terlebih dulu, berhubung maklumat yang mengaitkan seorang bekas menteri Kabinet negara ini, yang dikatakan menyokong pergerakan pertubuhan radikal Islam di Amerika Syarikat (AS), termasuk menyalurkan dana berjumlah AS\$10 juta (RM38 juta) kepada pertubuhan berkenaan.

"Lebih baik saya beritahu PM dulu, sebelum saya bercakap apa-apa mengenainya," kata Timbalan

Perdana Menteri ketika diminta mengulas gesaan pihak tertentu agar kerajaan mendedahkan identiti bekas menteri kabinet terbabit.

Abdullah berkata, tidak timbul soal adil atau tidak adil untuk beliau tidak menamakan ahli politik terbabit, kerana semua bekas menteri tahu apa yang mereka buat.

"Di sini, bukanlah soal tidak adil (untuk tidak menamakan ahli politik berkenaan pada masa sekarang). Biarlah saya tunggu dulu, kerana maklumat yang kita terima setakat ini

pun, perlu disahkan terlebih dulu.

"Saya akan cakap dengan PM dan akan mendapatkan maklumat lain. Wisma Putra juga sudah saya arahkan agar membuat siasatan mengenai perkara ini," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Jamuan Tahun Baru Cina anjuran Kumpulan Genting di Genting International Convention Centre, Hotel First World di sini, hari ini.

Ditanya apakah polis akan turut terbabit dalam siasatan yang dijalankan itu, Abdullah berkata, polis tidak akan terbabit.

Katanya, siasatan bertu-

juan mengesahkan segala-galanya dan sejauh mana kesahihan dakwaan yang dibuat oleh Sheikh Muhammad Hisham Kabbani itu, yang turut menyebut hubungan bekas ahli politik itu dengan pertubuhan radikal terbabit menyebabkan AS mengaitkan Malaysia dengan keganasan.

Abdullah berkata, segala-galanya masih lagi hanya tuduhan semata-mata dan sejauh mana kesahihannya, ia bergantung kepada maklumat yang diperolehi kerajaan.

"Tetapi, berdasarkan maklumat yang kita terima setakat ini, ia memer-

lukan kita selidik lagi," kata beliau.

Di KUANTAN, ketika mengulas perkara sama, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata kerajaan hanya akan mendedahkan identiti bekas menteri Kabinet terbabit pada masa yang sesuai.

Kerajaan katanya, mempunyai bukti mengenai siapa selepas pendedahan dibuat oleh Sheikh Muhammad Hisham, Selasa lalu.

"Tunggu kita bincang... saya ingat nanti lepas mesyuarat Kabinet. Saya percaya sampai masa dan ketika, sudah tentu kerajaan

dapat maklumat ini.

"Tunggulah kita bincang... kita tengok masa yang baik untuk dedahkan perkara itu. Biarlah orang nak teka teki," katanya di sini, hari ini.

Ketika ditanya mengenai kelewatan mendedahkan nama bekas menteri itu akan menimbulkan pelbagai spekulasi, Khalil berkata:

"Biasalah tu..., ini Sheikh itu pun sebut ahli politik kanan, bekas menteri dulu, mestilah dia juga tahu nama itu. Kita ambil lanjutan daripada itu dan sampai masa kita beritahulah, kerana dah sah, Sheikh itu sendiri sebut".